

03/07/2002

PM perjelas isu peletakan jawatan hari ini

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menjelaskan sendiri mengenai pengumuman peletakan jawatannya daripada parti dan kerajaan pada 22 Jun lalu, esok.

Perdana Menteri dijangka berbuat demikian dalam sidang akhbar yang dijadualkan sebaik beliau tiba daripada bercuti 10 hari di sekitar kepulauan Mediterranean, di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang pada jam 7.30 pagi esok.

Kira-kira 30,000 orang mewakili pelbagai lapisan masyarakat diketuai Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijangka menyambut kepulangan Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Sejak mengumumkan peletakan jawatannya itu di akhir Perhimpunan Agung Umno pada 22 Jun lalu, Dr Mahathir belum berkesempatan menjelaskannya kepada umum.

Berikutan itu, pelbagai versi timbul sehingga keputusannya untuk bersara selepas Oktober tahun depan dikatakan berikutan 'tolak ansur' apabila mengadakan pertemuan dengan Jawatankuasa Pengurusan Umno di Seri Perdana pada pagi 23 Jun lalu sebelum beliau berlepas ke Itali.

Ada pula yang menyatakan Dr Mahathir mahu meneruskan ucapannya termasuk memberi sebab mengapa beliau mahu meletak jawatan dan tempoh peralihan kuasa, tetapi tidak sempat kerana dikerumuni ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno di pentas Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Dr Mahathir berlepas ke luar negara pada 23 Jun lalu iaitu sehari selepas membuat pengumuman mengejut itu.

Dalam pertemuan dengan jawatankuasa pengurusan Umno yang diberi mandat oleh mesyuarat khas MT pada malam sebelum itu, Dr Mahathir bersetuju untuk terus menerajui Umno dan kerajaan sehingga Oktober tahun depan dengan menamakan Abdullah sebagai penggantinya.

Keputusan itu dimaklumkan pada mesyuarat khas Majlis Tertinggi (MT) Umno dan Dewan Tertinggi BN Selasa lalu dan diterima sebulat suara iaitu menyokong kehendaknya untuk terus kekal di puncak bagi tempoh 16 bulan akan datang dan menyokong Abdullah sebagai penggantinya.

Sementara itu, Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin, berkata RTM menerusi TV1 akan menyiarkan secara langsung ketibaan Perdana Menteri pada jam 7.30 pagi esok, diikuti sidang akhbar.

Perdana Menteri dijangka terus ke Putrajaya untuk mempengerusikan mesyuarat Kabinet selepas selesai sidang akhbar dan acara sambutan di pangkalan TUDM itu yang akan dihadiri oleh orang ramai pelbagai lapisan.

Mesyuarat Kabinet esok dijangka dimulakan agak lewat sedikit kerana semua menteri Kabinet akan turut menyambut ketibaan Dr Mahathir di pangkalan TUDM Subang.

Jurucakap ibu pejabat Umno pula berkata, pihaknya menjangka antara 20,000 hingga 30,000 penyokong BN akan hadir dan persiapan sudah dibuat untuk membawa mereka dengan berpuluh-puluh bas ke pangkalan TUDM Subang.

"Kami sudah memaklumkan kepada semua pejabat perhubungan Umno negeri di Semenanjung untuk menghantar wakil masing-masing, kebanyakannya mungkin ketua bahagian. Sasaran kami ialah di antara 20,000 hingga 30,000 orang.

"Kami juga membuat jemputan kepada parti komponen BN yang lain untuk turut serta menyambut kepulangan Perdana Menteri," katanya kepada Berita Harian.

Beliau berkata, tiada acara diatur untuk Dr Mahathir menyampaikan ucapan

di majlis sambutan itu yang akan diadakan di kawasan letak kereta di hadapan terminal pangkalan TUDM.

Sementara itu, sebuah syarikat pengiklanan, ROSSKNZ yang berpejabat di Wangsa Maju turut menganjurkan majlis sambutan itu dengan menyediakan beberapa bas untuk membawa rakyat pelbagai lapisan termasuk pelajar bagi menyambut kepulangan Perdana Menteri.

Jurucakapnya ketika dihubungi berkata, jadual asal untuk mengadakan perhimpunan itu di kediaman Perdana Menteri di Putrajaya pagi esok dibatalkan dan kini diubah ke TUDM Subang.

Syarikat yang sama dalam satu kenyataan hari ini juga mendakwa akan menganjurkan majlis "Malam Khalifah Kita" bagi menghargai jasa Dr Mahathir dalam satu perhimpunan di Stadium Putra, Bukit Jalil 8 September ini.

Dalam perkembangan berkaitan, satu sumber memberitahu, usaha akan dibuat bagi memastikan sidang akhbar Perdana Menteri di bilik khas di pangkalan itu esok berjalan lancar berikutan kemungkinan berlaku kesesakan oleh kehadiran mereka yang bukan wakil media.